



30 Disember 2022
30 December 2022
P.U. (A) 408

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN
(BARANG BERNILAI RENDAH) 2022

*SALES TAX (LOW VALUE GOODS)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (BARANG BERNILAI RENDAH) 2022

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

2. Permohonan bagi pendaftaran
3. Pemberitahuan pendaftaran
4. Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir penjual berdaftar

BAHAGIAN III
PAPARAN MAKLUMAT

5. Paparan maklumat pada bungkusan

BAHAGIAN IV
INVOIS ATAU DOKUMEN

6. Kandungan invois atau dokumen

BAHAGIAN V

PENYATA

Peraturan

7. Cara mengemukakan penyata
8. Pembetulan kesilapan

BAHAGIAN VI

PEMBAYARAN

9. Pembayaran cukai jualan atau penalti

BAHAGIAN VII

PEMBAYARAN BALIK

10. Pembayaran balik
11. Cara menuntut pembayaran balik

BAHAGIAN VIII

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

12. Tafsiran
13. Penggunaan perkhidmatan elektronik
14. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
15. Kesilapan dalam menggunakan perkhidmatan elektronik
16. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

17. Waktu bagi pengemukakan penyata dan pembayaran
18. Penalti am

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (BARANG BERNILAI RENDAH) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 106(2)(ka) dibaca bersama subseksyen 11B(1) Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Barang Bernilai Rendah) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

Permohonan bagi pendaftaran

2. (1) Mana-mana penjual yang menjual barang bernilai rendah yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12 Akta hendaklah memohon untuk berdaftar dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pemberitahuan pendaftaran

3. Mana-mana penjual yang menjual barang bernilai rendah yang diluluskan permohonannya bagi pendaftaran hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Ketua Pengarah dan diberikan suatu nombor pendaftaran.

Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir penjual berdaftar

4. (1) Mana-mana penjual berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan cukai jualan secara bertulis apabila terdapat—

- (a) apa-apa perubahan pada nama perniagaan;
- (b) apa-apa perubahan pada alamat mana-mana premis perniagaan;
- (c) apa-apa perubahan pada status perniagaan;
- (d) apa-apa perubahan pada nama atau butir-butir orang yang diberi kuasa; atau
- (e) pembukaan mana-mana premis baru perniagaan atau penutupan mana-mana premis perniagaan.

(2) Pegawai kanan cukai jualan hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana penjual berdaftar yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III
PAPARAN MAKLUMAT

Paparan maklumat pada bungkusan

5. (1) Tiap-tiap penjual berdaftar hendaklah mengemukakan nota konsainmen yang mengandungi nombor pendaftaran penjual berdaftar kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 11D Akta.

(2) Tiap-tiap penjual berdaftar yang menjual barang bernilai rendah hendaklah memaparkan dengan jelas maklumat nota konsainmen di bawah subperaturan (1) dengan cara menampal atau melekatkan maklumat itu pada bungkusan barang bernilai rendah itu.

BAHAGIAN IV INVOIS ATAU DOKUMEN

Kandungan invois atau dokumen

6. (1) Tiap-tiap penjual berdaftar yang mengeluarkan suatu invois atau dokumen yang berhubung dengan penjualan barang bernilai rendah kepada pembeli hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

- (a) nombor siri invois atau dokumen;
- (b) tarikh invois atau dokumen dikeluarkan;
- (c) nama dan alamat penjual berdaftar;
- (d) nombor pendaftaran penjual berdaftar;
- (e) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang bernilai rendah yang dijual; dan
- (f) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai jualan, kadar cukai jualan dan jumlah cukai jualan yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, atas permintaan secara bertulis oleh mana-mana penjual berdaftar dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, membenarkan mana-mana butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) untuk tidak dinyatakan dalam suatu invois atau dokumen yang dikeluarkan oleh penjual berdaftar itu.

BAHAGIAN V

PENYATA

Cara mengemukakan penyata

7. (1) Tiap-tiap penjual berdaftar hendaklah mengemukakan suatu penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 26 Akta melalui perkhidmatan elektronik atau dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Semua butir yang dikehendaki dalam penyata itu hendaklah dikemukakan oleh penjual berdaftar itu dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

(3) Suatu penyata yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik itu atau dengan bentuk dan cara sepertimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pembetulan kesilapan

8. Jika mana-mana penjual berdaftar membuat suatu kesilapan dalam mana-mana penyata yang dikemukakan di bawah Akta, penjual berdaftar itu boleh membetulkan kesilapan itu dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VI

PEMBAYARAN

Pembayaran cukai jualan atau penalti

9. (1) Pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah melalui perbankan elektronik atau apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Cukai jualan atau penalti yang kena dibayar hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran itu diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), tiada apa-apa penalti akan dikenakan jika pembayaran cukai jualan dibuktikan telah dibuat oleh penjual berdaftar tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 26 Akta.

(4) Apa-apa pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar yang diterima dan dikreditkan di bawah subperaturan (2) hendaklah tidak mengambil kira kadar pertukaran wang asing pada masa ia diterima oleh Ketua Pengarah dan dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(5) Jumlah amaun cukai jualan atau penalti yang kena dibayar hendaklah diisytiharkan dalam Ringgit Malaysia dalam penyata.

BAHAGIAN VII PEMBAYARAN BALIK

Pembayaran balik

10. Mana-mana penjual berdaftar boleh membuat permohonan pembayaran balik kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 39 Akta, jika penjual berdaftar itu—

- (a) telah terlebih bayar atau membayar secara silap amaun cukai jualan; atau
- (b) berhak untuk mendapatkan bayaran balik di bawah subseksyen 41(3) Akta.

Cara menuntut pembayaran balik

11. (1) Mana-mana penjual berdaftar yang layak untuk menuntut pembayaran balik di bawah subseksyen 39(1) Akta hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara yang ditentukan olehnya.

(2) Suatu permohonan yang berasingan hendaklah dibuat berkenaan dengan setiap tuntutan yang baginya pembayaran balik dituntut.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan dokumen dan maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

BAHAGIAN VIII PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Tafsiran

12. Dalam Bahagian ini, “kod pengesahan” ertinya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, suatu kata laluan atau apa-apa kaedah atau tatacara pengesahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh orang itu.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

13. (1) Ketua Pengarah boleh, untuk menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 102 Akta, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, memberikan kepada mana-mana orang—

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun perkhidmatan elektronik.

(2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan orang itu—

- (a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan itu;
- (b) hendaklah memastikan kod pengesahan itu dirahsiakan; dan
- (c) hendaklah tidak boleh mendedahkan kod pengesahan itu kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.

(3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi pemfailan, pengemukakan atau penyerahan jika notis itu dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

14. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kanan cukai jualan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh menyampaikan apa-apa notis kepada seorang pengguna berdaftar dengan menghantar notis itu melalui perkhidmatan elektronik kepada akaun pengguna berdaftar itu.

(2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Peraturan-Peraturan ini difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai itu tidak terpakai.

(3) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang pengguna berdaftar boleh membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar dengan kuasa pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara dalam notis elektronik itu.

(5) Jika suatu notis elektronik dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar itu sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan diberi, notis itu hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat secara sah oleh pengguna berdaftar itu melainkan pengguna berdaftar itu boleh mengemukakan keterangan yang berlawanan.

Kesilapan dalam menggunakan perkhidmatan elektronik

15. (1) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, pengguna berdaftar itu hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam suatu tempoh masa sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu di bawah peraturan ini mengikut apa-apa cara dan dalam tempoh masa sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatatanda untuk mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(4) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kanan cukai jualan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik yang dihantar oleh pengguna berdaftar itu tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh pengguna berdaftar itu.

Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

16. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu, jika pengguna berdaftar itu—

- (a) gagal mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;
- (b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau
- (c) memberitahu Ketua Pengarah bagi pembatalan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan elektronik yang diberikan kepadanya.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

Waktu bagi pengemukaan penyata dan pembayaran

17. (1) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar melalui perbankan elektronik, waktu biasa hendaklah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam waktu standard Malaysia (UTC/GMT + 8 jam) pada mana-mana hari dalam minggu itu.

(2) Jika mana-mana penyata dan pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar diterima di luar waktu biasa, waktu penerimaan penyata dan pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar itu hendaklah dianggap telah diterima pada hari yang berikutnya.

(3) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar, jika hari terakhir yang dinyatakan di bawah subseksyen 26(1), 26(3) atau 26(5) Akta jatuh pada hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia atau di negara yang penjual berdaftar itu ditubuhkan, maka hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran cukai jualan atau penalti yang kena dibayar itu adalah pada hari kelepasan

mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia atau di negara yang penjual berdaftar itu ditubuhkan.

Penalti am

18. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 29 Disember 2022

[MOF.TAX(S) 700-1/2/26 JLD. 7; KE.HF(152)899/04 JLD 2 (10); PN(PU2)751/JLD. 7]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

SALES TAX ACT 2018
SALES TAX (LOW VALUE GOODS) REGULATIONS 2022

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II
REGISTRATION

2. Application for registration
3. Notification of registration
4. Notification of changes on particulars of registered seller

PART III
DISPLAY OF INFORMATION

5. Display of information on package

PART IV
INVOICE OR DOCUMENT

6. Contents of invoice or document

PART V
RETURN

Regulation

7. Manner of furnishing return
8. Correction of errors

PART VI
PAYMENT

9. Payment of sales tax or penalty

PART VII
REFUND

10. Refund
11. Manner of claiming refund

PART VIII
ELECTRONIC SERVICE

12. Interpretation
13. Use of electronic service
14. Manner in using electronic service
15. Error in using electronic service
16. Termination of the provision of electronic service to the registered user

PART IX
MISCELLANEOUS

17. Hours for submission of return and payment
18. General penalty

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (LOW VALUE GOODS) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 106(2)(ka) read together with subsection 11B(1) of the Sales Tax Act 2018 [Act 806], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Low Value Goods) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2023.

PART II

REGISTRATION

Application for registration

2. (1) Any seller who sells low value goods who is liable to be registered under section 12 of the Act shall apply to be registered in the form and manner as the Director General may determine.

(2) Every application for registration under subregulation (1) shall be submitted to the Director General through electronic service or any manner as the Director General may determine.

Notification of registration

3. Any seller who sells low value goods whose application for registration is approved shall be notified in writing by the Director General and assigned with a registration number.

Notification of changes on particulars of registered seller

4. (1) Any seller of low value goods shall immediately notify the senior officer of sales tax in writing when there is—

(a) any change to the name of the business;

(b) any change to the address of any business premises;

(c) any change to the status of the business;

(d) any change to the name or details of the authorized person; or

(e) an opening of any new business premises or closing of any business premises.

(2) The senior officer of sales tax shall record the changes so notified.

(3) Any registered seller who contravenes subregulation (1) commits an offence.

PART III

DISPLAY OF INFORMATION

Display of information on package

5. (1) Every registered seller shall furnish a consignment note that containing the registration number of the registered seller to the Director General under section 11D of the Act.

(2) Every registered seller who sells low value goods shall clearly display the information of the consignment note under subregulation (1) by patching or affixing such information on the package of low value goods.

PART IV
INVOICE OR DOCUMENT

Contents of invoice or document

6. (1) Every registered seller who issues an invoice or document in relation to the sales of low value goods to buyer shall state thereon the following particulars:

- (a) the serial number of the invoice or document;
- (b) the date of the invoice or document issued;
- (c) the name and address of the registered seller;
- (d) the registration number of the registered seller;
- (e) a description sufficient to identify the low value goods being sold;
and
- (f) the total amount payable excluding sales tax, the rate of the sales tax and total sales tax chargeable shown as a separate amount.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may, upon request in writing by any registered seller and subject to any condition as the Director General deems fit, allow any particulars specified under subregulation (1) not to be stated in an invoice or document issued by the registered seller.

PART V
RETURN

Manner of furnishing return

7. (1) Every registered seller shall furnish a return for each taxable period as required under section 26 of the Act through electronic service or in the form and manner as the Director General may determine.

(2) All particulars as requested in the return shall be furnished by the registered seller and shall contain a certification that such return is true and complete.

(3) A return made under this Part shall be furnished to the Director General through electronic service or in the form and manner as determined by the Director General and shall be deemed to be furnished when such return has been received by the Director General through the electronic service or in the form and manner as the Director General may determine.

Correction of errors

8. If any registered seller makes an error in any return furnished under the Act, the registered seller may correct the error in the manner as the Director General may determine.

PART VI

PAYMENT

Payment of sales tax or penalty

9. (1) Payment of sales tax or penalty payable under the Act shall be made to the Director General through electronic banking or any manner as the Director General may determine.

(2) The sales tax or penalty payable shall be deemed to be paid when the payment is received by the Director General and is credited to the Director General.

(3) Notwithstanding subregulation (2), no penalty shall be imposed if payment of sales tax is proved to have been made by the registered seller not later than the date specified under section 26 of the Act.

(4) Any payment of sales tax or penalty payable received and credited under subregulation (2) shall not take into account the foreign exchange rate at the time it is received by the Director General and is credited to the Director General.

(5) The total amount of sales tax or penalty payable shall be declared in Ringgit Malaysia in the return.

PART VII

REFUND

Refund

10. Any registered seller may make an application for refund to the Director General under section 39 of the Act, if the registered seller—

(a) has overpaid or erroneously paid the amount of sales tax; or

(b) is entitled to the refund under subsection 41(3) of the Act.

Manner of claiming refund

11. (1) Any registered seller who is eligible to claim for refund under subsection 39(1) of the Act shall apply to the Director General in the form and manner as he may determine.

(2) A separate application shall be made in respect of each claim for which the refund is claimed.

(3) The Director General may require the person who makes a claim under subregulation (1) to produce documents and information for the purpose of verifying such claim.

PART VIII

ELECTRONIC SERVICE

Interpretation

12. In this Part, “authentication code” means an identification or identifying code, password or any other authentication method or procedure which is assigned by the Director General to any person for the purpose of identifying and authenticating the access to and use of the electronic service by such person.

Use of electronic service

13. (1) The Director General may, in order to use the electronic service provided under section 102 of the Act, subject to any terms and conditions as the Director General may determine, assign to any person—

(a) an authentication code; and

(b) an electronic service account.

(2) Any person assigned by the Director General an authentication code under subregulation (1) shall be a registered user and the person—

(a) shall acknowledge receipt of the authentication code;

(b) shall ensure that the authentication code is kept confidential; and

(c) shall not disclose the authentication code to any unauthorized person.

(3) An electronic notice made and transmitted under the Act by a registered user shall be deemed to have satisfied the requirement for filing, lodgement or submission if such notice is transmitted to the Director General in such manner as determined under this Part.

Manner in using electronic service

14. (1) The Director General or any senior officer of sales tax authorized by the Director General may serve any notice on a registered user by transmitting such notice through electronic service to the account of the registered user.

(2) Where a document that is required to be stamped, signed or sealed under these Regulations is electronically filed, lodged or transmitted by way of electronic service, the requirement for attestation of the stamp, signature or seal does not apply.

(3) Any person who is authorized by a registered user may make and transmit any electronic notice on behalf of the registered user through the electronic service.

(4) Where any electronic notice is made and transmitted on behalf of any registered user under subregulation (3), the notice shall be deemed to have been made and transmitted with the authority of the registered user and such registered user shall be deemed to be cognizant of all matters in the electronic notice.

(5) Where an electronic notice is transmitted to the Director General using the authentication code assigned to a registered user with or without the authority of the registered user before notification to the Director General for cancellation of the authentication code is given, that notice shall, for the purposes of the Act, be presumed to be duly made by the registered user unless the registered user is able to adduce evidence to the contrary.

Error in using electronic service

15. (1) Where an error is made in any electronic notice by a registered user under this regulation, the registered user shall rectify it by way of electronic service within a time period as the Director General may determine and subject to any condition as the Director General may impose.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may direct or allow a registered user to rectify any electronic notice made and transmitted by the registered user under this regulation in any manner and within a time period as the Director General may require.

(3) The Director General may, for the purpose of the electronic service, approve the use of any symbol, code, abbreviation or notation to represent any particulars or information required under the Act.

(4) Where an electronic notice is made and transmitted by a registered user to the Director General under the Act which does not comply with any requirement of this Part, the Director General or any senior officer of sales tax authorized by the Director General, may serve a notice to the registered user indicating the non-compliance of the requirement, and such electronic notice sent by the registered user shall not be deemed to have been made and transmitted to the Director General by such registered user.

Termination of the provision of electronic service to the registered user

16. The Director General may, at any time by notice to a registered user, terminate the provision of the electronic service to the registered user, if the registered user—

- (a) fails to comply with any terms and conditions imposed by the Director General;
- (b) contravenes any regulation in this Part; or
- (c) notifies the Director General for cancellation of authentication code and electronic service account assigned to him.

PART IX MISCELLANEOUS

Hours for submission of return and payment

17. (1) For the purposes of receiving returns and payments of sales tax or penalty payable through electronic banking, the ordinary hours shall be from 7.30 a.m. to 11.30 p.m. Malaysian standard time (UTC/GMT + 8 hours) on any day of the week.

(2) Where any returns and payments of sales tax or penalty payable is received beyond the ordinary hours, hours of receiving such returns and payments of sales tax or penalty payable shall be deemed to be received on the next following day.

(3) For the purposes of receiving returns and payments of sales tax or penalty payable, where the last date specified in subsection 26(1), 26(3) or 26(5) of the Act falls on the Federal weekly holiday or Federal public holiday in Malaysia or in the country where the registered seller established, then the last day to receive such returns and payments of sales tax or penalty payable is on the Federal weekly holiday or Federal public holiday in Malaysia or in the country where the registered seller established.

General penalty

18. Any person who commits an offence under these Regulations shall be liable, on conviction, to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Made 29 December 2022

[MOF.TAX(S) 700-1/2/26 JLD. 7; KE.HF(152)899/04 JLD 2 (10); PN(PU2)751/JLD. 7]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance